



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebuah agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang berkompentensi, berkelayakan, berwawasan, berfikiran dinamik, berkomunikasi dengan baik, berkeyakinan diri yang tinggi dan boleh menyumbang ke arah kecemerlangan MARA untuk mengisi kekosongan jawatan secara perkhidmatan **Kontrak** seperti yang diterangkan di bawah ini:-

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	JADUAL GAJI
1	PEGAWAI EHWAL EKONOMI	EKONOMI	PENGURUSAN & PROFESIONAL	E41	RM 2,083.00 - RM 9,549.00
2	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL.  BIDANG: <ul style="list-style-type: none"><li>• ELEKTRIK KUASA</li><li>• ELEKTRIK DOMESTIK</li><li>• AUTOMOTIF/AUTO MOTIF 4WD</li><li>• MEKANIKAL PEMBUATAN</li><li>• LUKISAN REKABENTUK</li><li>• PENYAMANAN UDARA &amp; PENYEJUKAN</li><li>• REKABENTUK GRAFIK</li><li>• BEKALAN AIR &amp; PEMBETUNGAN</li><li>• BAIKPULIH BADAN KENDERAAN</li></ul>	PENDIDIKAN	PELAKSANA	DV29	RM 1,549.00 - RM 5,701.00

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	JADUAL GAJI
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MARIN</li> <li>• FABRIKASI LOGAM</li> </ul>				
3	JURUTEKNIK KOMPUTER	SISTEM MAKLUMAT	PELAKSANA	FT19	RM 1,377.00 - RM 4,052.00
4	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	KEJURUTERAAN	PELAKSANA	J19	RM 1,377.00 - RM 4,052.00
5	PEMANDU KENDERAAN	PENTADBIRAN & SOKONGAN	PELAKSANA	H11	RM1,218.00- RM2,939.00
6	PEMBANTU AWAM	PENTADBIRAN & SOKONGAN	PELAKSANA	H11	RM1,218.00- RM2,939.00

Kekosongan jawatan adalah di seluruh Pusat Pentadbiran MARA di Malaysia.

**A. SYARAT ASAS LANTIKAN BAGI JAWATAN-JAWATAN YANG DIKLANKAN:**

- i. Calon bagi lantikan bagi bilangan 1 hingga 4 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a. Warganegara Malaysia;
  - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c. Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia; dan

- d. Memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- ii. Calon bagi lantikan bagi bilangan **5** hingga **6** hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- a. Warganegara Malaysia;
  - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c. Lulus lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan satu (1) mata pelajaran adalah peringkat Keupujian Bahasa Melayu dan selebihnya lulus empat (4) peringkat Lulus pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
  - d. Memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**B. SYARAT KELAYAKAN LANTIKAN BAGI SETIAP JAWATAN YANG DIIKLANKAN :-**

**1. PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E41**

- 1.1 Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,083.00); atau
- 1.2 Ijazah Sarjana Muda keupujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,286.57; atau

- 1.3 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,490.99 ; atau
- 1.4 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,797.62 ; atau
- 1.5 Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,797.62 ; atau
- 1.6 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf Oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,899.83 ; atau
- 1.7 Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM3,002.03 )

## **2. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29**

- 2.1 Sijil teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,549.00); atau
- 2.2 Sijil kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,549.00); atau
- 2.3 Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,624.20); atau

- 2.4 Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,699.40); atau
- 2.5 Diploma teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,784.80); atau
- 2.6 Diploma dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah atau ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,860.00)

### **3. JURUTEKNIK KOMPUTER GRED GRED FT19**

- 3.1 Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,377.00) ;atau
- 3.2 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,435.12) ;atau
- 3.3 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,493.24)

#### **4. PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19**

- 4.1 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J19 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:

- A0 / A1 : RM1,435.12
- A4-2/A4-1/A4 :RM1,493.24
- BO-2/BO-1/BO/B1/B4 :RM1,551.36 ; atau

- 4.2 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori L1, L2(O/H), L2(U/G) dan L3 (Sistem Voltan Rendah) atau H1, H2(O/H), H2(U/G) dan H3 (Sistem Voltan Tinggi) yang dikeluarkan oleh Unit Merinyu Elektrik (EIU) Kementerian Utiliti Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J19 : RM1,377.00)

#### **5. PEMANDU KENDERAAN GRED H11**

- 5.1 Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 5.2 Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/1 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan[kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]; dan

- 5.3 berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 :RM1,310.30
- Lesen F/H :RM1,356.45
- Lesen G/I :RM1,402.60

## 6. PEMBANTU AWAM GRED H11

6.1 Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00)

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11:RM1,264.15).

## C. CARA MEMOHON

- i. Permohonan hendaklah dibuat secara **online** dengan melayari laman Web MARA di **www.mara.gov.my**.
- ii. Pemohon yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah melengkapkan borang elektronik di laman web MARA. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan salinan sijil-sijil kelayakan yang disahkan dan lain-lain dokumen, Kenyataan Perkhidmatan serta Laporan Prestasi Tahunan terkini disertakan bersama.
- iii. Salinan sijil-sijil kelayakan yang disahkan oleh pegawai kerajaan dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan lain-lain keterangan peribadi dan hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri temuduga.
- iv. Hanya permohonan yang dibuat secara online di MARAnet sahaja yang akan diterima. Permohonan yang lewat diterima atau tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan akan ditolak.
- v. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **13 Oktober 2018**.

## D. SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## E. PELAKSANAAN

- i. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan. **Bagi jawatan-jawatan yang menetapkan kelayakan ijazah dan diploma, keutamaan adalah kepada pemohon yang berpengalaman kerja dalam bidang berkaitan selama dua (2) tahun.**
- ii. Pemohon yang melepasi saringan sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.
- iii. Pemohon yang mempunyai diploma dan ijazah sarjana muda hendaklah membuat semakan **pengiktirafan kelayakan** melalui laman web **<https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>** dan mengemukakan salinan pengiktirafan tersebut semasa menghadiri temuduga nanti.
- iv. Pemohon yang berjaya dalam temuduga sahaja akan dihubungi. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
- v. **Salinan kad pengenalan, surat beranak dan sijil-sijil kelulusan yang disahkan oleh pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan & Profesional** dan lain-lain keterangan peribadi (**RESUME**) hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri temuduga.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**MOHD SALLEH BIN ABDULLAH**  
Pengarah  
Bahagian Sumber Manusia  
MARA